

PENENTUAN INDEKS KEPEKAAN SEKITARAN DENGAN
MENGUNAKAN CIRI-CIRI SEDIMEN DAN MORFOLOGI PANTAI
DI SEKITAR KUALA TERENGGANU

HAIYATI BINTI HAMID

FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
TERENGGANU

1999

LP
12
FSGT
2
1999

9/584.

1100024128

LP 12 FSGT 2 1999



1100024128
Penentuan indeks kepekaan sekitaran dengan menggunakan
ciri-ciri sedimen dan morfologi pantai di sekitar Kuala
Terengganu / Haiyati Hamid.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100024128		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LP
12
FSGT
2
1999.

**PENENTUAN INDEKS KEPEKAAN SEKITARAN DENGAN MENGGUNAKAN
CIRI-CIRI SEDIMEN DAN MORFOLOGI PANTAI DI SEKITAR
KUALA TERENGGANU**

**OLEH
HAIYATI BINTI HAMID**

Laporan ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah
Bacelor Sains (Sains Samudera)

**Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
TERENGGANU**

1999

1100024128

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha pengasih.

Saya amat bersyukur ke hadratNya kerana dengan keizinNya jua dapatlah saya menyiapkan projek tahun akhir saya ini dalam masa yang telah ditetapkan setelah mengharungi segala pahit getir selama dua semester.

Berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada Encik Rosnan Yaacob serta Profesor Madya Dr. Mohd Lokman Husain selaku penyelia pertama dan kedua saya di atas segala tunjuk ajar serta bimbingan yang telah diberikan selama saya bertungkus lumus dalam menjalankan projek ini.

Ribuan terima kasih buat Haji Sukiman dan Abang Raja di atas segala pertolongan yang telah diberikan. Juga buat Mazlan, Sofia dan Wan Dolah yang sering turut serta menyumbang keringat dalam setiap penyampelan yang saya lakukan. Segala kenangan manis bersama kalian akan tetap segar di dalam ingatan saya.

Teristimewa untuk insan-insan yang saya sayangi terutamanya buat emak, yang sering memberikan galakan serta semangat untuk saya meneruskan perjuangan di dalam kehidupan yang serba kompleks ini.

Buat ayah, Abang Shumie dan Kak Niah Yang telah banyak menolong serta tidak lokek menyediakan bekalan kewangan yang mencukupi disaat-saat berlakunya kegawatan ekonomi. Buat Kakcik dan Ashu yang sentiasa menceriakan suasana hidup saya.

Juga untuk seseorang yang tak akan saya lupakan dalam hidup saya,

Zulkifli Taharim...

Tidak lupa juga buat satu-satunya housemate yang saya ada...Izzatul Shima Md Thahir. Terima kasih di atas masakanmu yang sedap itu.

Tidak lupa juga buat kawan-kawan yang sedikit sebanyak mengajar saya erti persahabatan yang sebenarnya di dalam dunia ini. Sesungguhnya ikatan persahabatan antara kita semua amat tinggi nilainya bagi diri saya. Akhir kata, semoga berjaya semua..

Haiyati binti Hamid

February 1999

ABSTRAK

Satu kajian untuk menentukan nilai Indeks Kepekaan Sekitaran telah dijalankan di sepanjang pantai Kuala Terengganu bermula dari Kampung Mengabang Lekar hingga ke Chendering. Ciri-ciri sedimen dan morfologi pantai telah diambil kira dalam penentuan nilai indeks tersebut. Data-data profil pantai dan sampel endapan pada 3 bahagian pantai iaitu foreshore, midshore dan backshore telah dikutip dari bulan September 1998 hingga akhir bulan November 1998. Didapati profil pantai dan ciri-ciri sedimen di kebanyakan tempat telah mengalami perubahan dari bulan ke bulan dan perubahan di beberapa tempat adalah amat ketara sekali. Pantai berkecenderungan untuk menjadi lebih curam apabila memasuki musim monsun (November) manakala partikel enapan yang terdapat rata-ratanya terdiri dari pasir kasar. Walaupun terdapat perubahan dalam morfologi dan ciri-ciri sedimen di pantai ini, namun nilai Indeks Kepekaan Sekitaran (ESI) adalah tidak berubah. Ini adalah kerana perubahan yang berlaku masih berada dalam julat indeks yang sama. Nilai Indeks yang didapati ialah 3 untuk pantai yang menganjur dari Mengabang Lekar hingga ke Kuala Ibai manakala nilai indeks untuk pantai Chendering ialah 2.

ABSTRACT

The main objective of this study is to evaluate the Environmental Sensitivity Index (ESI) along the Kuala Terengganu coastline. This study was conducted from Kampung Mengabang Lekar to Chendering. Sediment characteristic data and beach morphology were taken into consideration. Sediment sampling and beach profile was carried out at three points, namely foreshore, midshore and backshore from September 1998 to November 1998. This study shows that there are significant differences in beach profile and sediment characteristic in most places when compared monthly. Most stations showed excessive erosion during the monsoon season (November) and the sediment distributions are coarser. Even though there are changes in morphology and sediment characteristic along the beaches, it does not affect the value of previous ESI. This is due to the fact that it is still in the same range of index. Overall, the value of index is 3 for beaches along Mengabang Lekar to Kuala Ibai whereas index for Chendering is 2.